



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

JAS PERKUKUH PENGUATKUASAAN: LEBIH 5,000 PEMERIKSAAN DAN RM4.59 JUTA DENDA BAGI KES PENCEMARAN ALAM SEKITAR SEHINGGA APRIL 2026

Jabatan Alam Sekitar (JAS) terus memperkukuh tindakan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 secara tegas dan bersepadu dalam memastikan kelestarian alam sekitar negara sentiasa terpelihara serta kesejahteraan rakyat terus terjamin.

Bagi tempoh 1 Januari hingga 30 April 2026, JAS telah melaksanakan pelbagai operasi penguatkuasaan di seluruh negara melibatkan pemeriksaan ke atas sektor industri, projek pembangunan, pelepasan kenderaan bermotor, aduan berkaitan alam sekitar serta pemantauan dalam mencegah pembakaran terbuka.

Sepanjang tempoh tersebut, sebanyak **5,074 pemeriksaan** telah dilaksanakan ke atas **4,339 premis** yang tertakluk kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Pemeriksaan ini melibatkan pelbagai sektor industri termasuk kilang minyak kelapa sawit mentah, kilang getah asli mentah, kemudahan pemerolehan kembali buangan terjadual, loji rawatan kumbahan dan lain-lain industri berisiko mencemarkan alam sekitar.

Dalam aspek kawalan pencemaran udara daripada kenderaan bermotor, sebanyak **1,906 operasi penguatkuasaan** telah dijalankan melibatkan pemeriksaan terhadap **137,722 kenderaan** di seluruh negara. Hasil operasi tersebut, tindakan pengeluaran kompaun dan perintah larangan penggunaan kenderaan dan **764 Arahan Uji Semula** telah diambil bagi memastikan kenderaan mematuhi standard pelepasan asap yang ditetapkan.

Bagi pemantauan projek pembangunan, JAS turut melaksanakan **811 pemeriksaan** ke atas projek-projek yang telah mendapat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA). Dalam konteks ini, JAS telah mendapat pensijilan **MS ISO 9001:2015** bagi skop Pemprosesan Laporan EIA dan Penguatkuasaan Syarat – Syarat EIA sehingga tahun 2028.

Dalam usaha mengekang kemasukan haram buangan terjadual ke negara ini, sebanyak **51 operasi pemeriksaan** telah dilaksanakan di pelabuhan utama negara melibatkan pemeriksaan terhadap **702 kontena** yang disyaki membawa buangan

terjadual. Hasil pemeriksaan mendapati **427 kontena** mengandungi buangan terjadual termasuk buangan elektrik dan elektronik (e-waste). Susulan itu, sebanyak **73 Notis Arahan** telah dikeluarkan bagi mengarahkan kontena tersebut dihantar keluar dari Malaysia, dan setakat ini **53 kontena** telah berjaya dipulangkan ke negara asal.

JAS terus mempertingkatkan pemantauan terhadap isu pembakaran terbuka. Sebanyak **3,237 siasatan berkaitan pembakaran terbuka** telah dijalankan dalam tempoh tersebut di seluruh Negara termasuk ke atas **494 titik panas (hotspot)** yang telah dikesan dan disyaki berlaku pembakaran tersebut. Selain itu, penggunaan teknologi turut diperkasa melalui **409 penerbangan dron** bagi tujuan pemantauan dan pengawasan pencemaran alam sekitar secara lebih efektif dan strategik serta dalam membantu siasatan dan penguatkuasaan yang dijalankan oleh JAS

Sepanjang tempoh empat bulan pertama tahun 2026, JAS telah menerima sebanyak **6,252 aduan pencemaran alam sekitar**, dan setiap aduan disiasat mengikut tempoh piagam pelanggan yang telah ditetapkan.

Berdasarkan pemeriksaan dan siasatan yang dijalankan, JAS telah mengambil sebanyak **3,149 tindakan penguatkuasaan susulan** ke atas pihak yang tidak mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 merangkumi:

- a) 1,587 Notis Arahan;
- b) 1,369 kompaun;
- c) 44 tindakan penahanan operasi kelengkapan;
- d) 2 tindakan gantung lesen;
- e) 18 Perintah Larangan; dan
- f) 129 kertas siasatan untuk tujuan pendakwaan.

Selain itu, sebanyak **148 kesalahan** telah selesai pendakwaan di mahkamah dan disabitkan kesalahan dengan jumlah denda terkumpul sebanyak **RM4,598,500.00** serta hukuman penjara 1 hari.

JAS ingin menegaskan bahawa jabatan ini tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang melakukan pencemaran alam sekitar atau gagal mematuhi peruntukan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Tindakan tegas akan terus diambil bagi memastikan alam sekitar negara terus dipelihara demi kesejahteraan generasi masa kini dan akan datang.

JABATAN ALAM SEKITAR
28 MEI 2026

